KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	01.07.22	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	JPSM			

Musnahkan hutan paya bakau atas nama pembangunan

SHAH ALAM - Segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab bertindak memusnahkan kawasan hutan paya bakau atas nama atau alasan pembangunan.

Pakar Alam Sekitar, Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman berkata, hutan paya bakau juga diteroka kerana lokasinya yang dianggap strategik selain disebabkan faktor ingin meraih keuntungan.

"Jadi ia ditebus guna atas permintaan yang tinggi untuk tujuan penempatan, perumahan dan industri.

"Kawasan tersebut juga digunakan untuk kegiatan akuakultur, pelancongan dan tujuan lain seperti pembinaan pelabuhan, kawasan pertanian dan sebagainya" katanya.

Sekiranya keadaan itu terus dibiarkan, Dr Haliza melahirkan rasa bimbang ia akan memberi impak yang buruk.



HALIZA

Susulan itu bagi mengelakkan lebih banyak kawasan paya bakau musnah, beliau mencadangkan langkah segera dilakukan kerajaan terutamanya perlu mewartakan lebih banyak kawasan hutan bakau sebagai hutan simpan tetap (HSK).

"Kerajaan juga disarankan mewartakan lebih banyak kawasan hutan bakau yang unik dari segi fungsi dan biodiversiti sebagai tapak Tanah Lembap Berkepentingan Antarabangsa (RAMSAR).

"Pada masa sama kerajaan perlu mendidik masyarakat secara meluas dan berterusan tentang kepentingan hutan bakau dan keperluan memeliharanya," tambah beliau.

Katanya, penguatkuasaan perundangan yang lebih ketat juga perlu dilakukan terhadap pencerobohan hutan bakau.

SH010722_3